

Headline	Program kerjasama penduduk, warga IPT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	204 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,564
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,692



MAHASISWA bersama Mohd Ali ketika Program Jom Masuk Taman anjuran pelajar UUM-KAYM di Taman Merdeka Jaya, Melaka.

Program kerjasama penduduk, warga IPT

MELAKA TENGAH: Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (KAYM), menganjurkan Jom Masuk Taman di Taman Merdeka Jaya, Batu Berendam, baru-baru ini.

Program julung kalinya diadakan ini, dianjurkan dengan kerjasama UMNO Cawangan Seri Gelam bersama persatuan penduduk di kawasan Taman Merdeka Jaya dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

Ketua Pegawai Eksekutif KAYM, Datuk Saroni Judi, berkata program itu antara lain bertujuan merapatkan hubungan antara penduduk dengan warga institusi pengajian tinggi

(IPT) menerusi pelbagai program dianjurkan.

Katanya, sepanjang program, penduduk juga berpeluang melihat pameran disediakan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan serta membeli produk ditawarkan menerusi pembukaan beberapa gerai oleh peniaga perusahaan kecil dan sederhana.

"Sambutan diterima daripada penduduk sepanjang pengumuman program itu sangat menggalakkan sekali gus membuktikan projek komuniti seperti itu wajar diadakan sentiasa menerusi pelbagai kaedah sesuai.

"Selain mendapat pengalaman berharga menerusi program ini,

pelajar dan penduduk taman berkenan dapat berkenalan mesra, selain berkongsi pelbagai cerita menarik," katanya.

Program ini dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Katil, Datuk Md Sirat Abu dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Taman Merdeka Jaya, Mohd Zin Othman.

Saroni berkata, program dianjurkan itu juga bagi memenuhi keperluan mata pelajaran Kepimpinan Organisasi pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan UUM-KYAM.